



Headline: Jangan jadi mangsa 'scammer'
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 26 May 2022

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 2

Jangan jadi mangsa 'scammer'

Hubungi pihak polis jika terima panggilan mencurigakan: Parum

Oleh Mastura Ismail



PARUM

LIMBANG: Ketua Polis Daerah Limbang Superintenden Parum Niot menasihati orang ramai agar berhubung dengan polis sekiranya menerima panggilan mencurigakan bagi mengelak menjadi mangsa penipuan 'scammer.'

Beliau berkata, pihaknya sentiasa menasihati orang ramai agar tidak mudah terperdaya dan berhati-hati ketika berurusan melalui telefon ataupun iklan laman sosial bagi memastikan mereka tidak tertipu.

"Mohon sentiasa berhati-

“ Mohon sentiasa berhati-hati dengan sebarang panggilan daripada orang yang tidak dikenali. ”

Superintenden Parum Niot
Ketua Polis Daerah Limbang

hati dengan sebarang panggilan daripada orang yang tidak dikenali.

"Contohnya, meminta nombor akaun bank dan nombor kad pengenalan. Jika rasa waswas, berhubunglah dengan pihak polis," katanya kepada media semalam.

Beliau berkata, bagi mendapatkan nasihat atau men-

yalurkan maklumat berkenaan kes-kes jenayah komersial di daerah ini, orang ramai boleh menghubungi talian 085-211466 sambungan 333 atau berhubung terus dengan Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Komersial IPD Limbang Inspektor Johari Mudin menerusi talian 019-8280895.